

**UCAPAN KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR
UNTUK MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA TAHUN 2003 PADA 14
SEPTEMBER 2004 BERTEMPAT DI EIMAS**

BISMILLAH RAHMANI RAHIM

ASSALAMUALAIKUMWARAHMATULLAH WABARAKATUH

YANG MULIA SAUDARA Pengerusi Majlis,

Yang Berbahgia Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah,

**Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Bahagian dan
Pengarah-Pengarah Negeri,**

**Tuan-tuan, dan Puan-puan serta para hadirin yang
dihormati sekalian.**

- 1. ALHAMDULILLAH RABBIL 'ALAMIN, BERSYUKURLAH
KITA KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA
DENGAN KEIZINAN DAN LIMPAH KURNIA NYA JUA DAPATLAH**

KITA BERSAMA-SAMA HADIR DAN BERHIMPUN DI DALAM MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI ANGGOTA JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA UNTUK TAHUN 2003 YANG DIADAKAN PADA HARI INI.

2. SAYA TERLEBIH DAHULU BERSUKACITA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MERAKAMKAN PENGHARGAAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MENGURUSKAN PENGANJURAN MAJLIS INI. TIDAK LUPA JUGA SAYA MENYAMPAIKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG BERSEDIA MENERIMA JEMPUTAN DAN SETERUSNYA SUDI MENGHADIRKAN DIRI UNTUK BERSAMA-SAMA MERAI DAN MEMERIAHKAN SAMBUTAN MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KEPADA ANGGOTA JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA BAGI TAHUN 2003.

3. SESUNGGUHNYA KESEDIAAN DAN KESUDIAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK BERADA DI DALAM MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG INI MEMBERIKAN GAMBARAN BAHAWA WUJUDNYA SATU SIKAP KESEPADUAN DAN KERJASAMA DI KALANGAN PARA ANGGOTA PEKERJA

JABATAN ALAM SEKITAR DALAM MELAKUKAN APA-APA TUGASAN DAN SENTIASA BERSAMA UNTUK MERAIKAN SESUATU KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH RAKAN-RAKAN SEKERJA.

4. SEMESTINYALAH SIKAP SEPERTI INI AKAN SENTIASA DAPAT DISEMAI, DIPUPUK DAN DISUBURKAN PENGAMALANNYA DI KALANGAN ANGGOTA PEKERJA DI DALAM ORGANISASI KITA SUPAYA SEMANGAT KESEPAKATAN DAN PEMUAFKATAN BERTERUSAN TUMBUH SEGAR MERESAPI KE DALAM SETIAP JIWA ANGGOTA JABATAN ALAM SEKITAR DIDALAM MENGGERAK DAN MENJALANKAN APA-APA TUGASAN YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN SERTA DISELESAIKAN DENGAN CEKAP DAN MEMBERIKAN HASIL YANG SEMPURNA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

4. SAYA INGIN MENARIK PERHATIAN KEPADA KAJIAN-KAJIAN DAN PEMERHATIAN MENGENAI KEJAYAAN YANG DICAPAI SAMA ADA DI PERINGKAT INDIVIDU, MASYARAKAT, ORGANISASI, BANGSA DAN NEGARA YANG MENUNJUKKAN

BAHAWA WUJUDNYA HUBUNGKAIT DI ANTARA
KECEMERLANGAN DAN PENGAMALAN ETIKA YANG BAIK
YANG MENJAMIN KEJAYAAN.

5. JIKA DIPERHATIKAN, MISALNYA ADA NEGARA YANG
MEMILIKI KEKAYAAN SUMBER ALAM TERUS BERADA DALAM
KEADAAN MUNDUR DAN MISKIN, MANAKALA ADA
SEBAHAGIAN NEGARA YANG TIDAK MEMILIKI SUMBER
KEKAYAAN SUMBER ASLI SEPERTI JEPUN, KOREA SELATAN
DAN SINGAPURA TERUS MENEMPA KEMAJUAN
PEMBANGUNAN EKONOMI DENGAN PESAT. FAKTOR
PENTING YANG MENYUMBANG KEPADA PENCAPAIAN TAHAP
PEMBANGUNAN EKONOMI IALAH KUALITI SUMBER MANUSIA,
YAKNI ANGGOTA PEKERJA. ANGGOTA PEKERJA MEREKA
DIKETAHUI MENGAMALKAN ETIKA YANG BERLANDASKAN
NILAI-NILAI MURNI YANG BAIK SEPERTI RAJIN, BERDISIPLIN,
AMANAH, BERPANDANGAN JAUH, SEDIA MENGHADAPI
RISIKO DAN RINTANGAN, TIDAK MENGHARAPKAN KEJAYAAN
DENGAN CARA MUDAH, TAAT KEPADA KETUA DAN
SEBAGAINYA.

6. SEKIRANYA KITA MENINJAU DAN MENYINGKAP SERTA
MENEROKA KEMBALI SEJARAH SILAM MENGENAI

KEGEMILANGAN TAMADUN DUNIA SEPERTI TAMADUN PARSIS, ROM, YUNANI DAN TERUTAMANYA TAMADUN ISLAM, KITA MENDAPATI BAHAWA MASING-MASING TAMADUN BERKENAAN TELAH MENCAPAI TAHAP KECEMERLANGAN DAN KEGEMILANGAN TERSENDIRI DISEBABKAN ANTARA LAIN, OLEH PENGAMALAN NILAI-NILAI BAIK SEPERTI TEKUN, AMANAH, BERANI, BERDISIPLIN DAN KUAT BEKERJA DI KALANGAN RAKYAT MERAKA. INI MENUNJUKKAN BAHAWA PENGAMALAN ETIKA YANG BAIK TERBUKTI DAPAT MENYUMBANG KEPADA KECEMERLANGAN DIRI INDIVIDU, BANGSA DAN NEGARA.

7. BEGITU JUGALAH SEBALIKNYA, KEMEROSOTAN DAN KEREPUTAN AKHLAK PARA PENTADBIR DAN PENGUASA BOLEH MENYUMBANG KEPADA KEMUSNAHAN KEPADA SESUATU BANGSA DAN NEGARA. SEBAGAI CONTOH, RUNTUHNYA TAMADUN ISLAM YANG BERTAPAK DI ANDALUSIA, DI INDIA DAN DI TURKI, BERPUNCA ANTARA LAIN, KERANA GAYA HIDUP GOLONGAN YANG BERKUASA YANG MENGUTAMAKAN KEMEWAHAN, KESERONOKAN DAN KEKUASAAN. DEMIKIAN JUGA KALAU KITA MENELITI SEJARAH KEJATUHAN KERAJAAN MELAYU MELAKA SELEPAS KEMATIAN BENDAHARA TUN PERAK ADALAH

DIKIBATKAN OLEH KEMEROSOTAN AKHLAK PARA PEGAWAI KERAJAAN. MISALNYA SEPERTI TUN PERPATIH YANG MENGGANTIKAN TUN PERAK, SEORANG PEMBOROS. BEGITU JUA TUN MUTHAHIR SELEPAS ITU SEORANG YANG MEMENTINGKAN KEMEWAHAN KEWANGAN, SOMBONG DAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT. KEADAAN INI ADALAH DIANTARA PENYEBAB MELAKA DENGAN BEGITU MUDAH DIJAJAH PORTUGIS.

8. JUSTERU PEMBENTUKAN PARA PEKERJA YANG BERKUALITI ADALAH AMAT PENTING DALAM PROSES PENINGKATAN TAHAP KEMAJUAN SESEBUAH ORGANISASI ATAU INSTITUSI. INI KERANA KUALITI PERIBADI MERUPAKAN TUNJANG KEPADA KUALITI ORGANISASI.

9. PARA PEKERJA YANG BERKUALITI HARUS MEMILIKI DUA ASPEK KEUNGGULAN IAITU; PERTAMA IALAH KEUNGGULAN INDIVIDU ATAU PERIBADI DAN KEDUA IALAH '*PROFESIONAL COMPETENCY*'. KEUNGGULAN INDIVIDU ATAU KEUNGGULAN PERIBADI IALAH TAHAP SETAKAT MANA SESEORANG INDIVIDU MENZAHIRKAN MELALUI SIKAP, PEMIKIRAN PERILAKU BERASASKAN NILAI-NILAI AMANAH, JUJUR, TEKUN, DEDIKASI, BERTANGGUNGJAWAB, BERANI,

TEGAS, ADIL, BERBUDI MULIA, BERSOPAN SANTUN, PEMAAF DAN MERENDAH DIRI. *PROFESIONAL COMPETENCY* IALAH PEMILIKAN TAHAP PROFESIONALISME YANG TINGGI IAITU CEKAP, MAHIR, BERILMU, INTELEKTUAL, PRODUKTIF, *RESULT ORIENTED*, INOVATIF, BERWAWASAN, PINTAR DAN KREATIF.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

10. USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBENTUK ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM YANG CEMERLANG TELAH PUN BERMULA SECARA SERIUS MULAI TAHUN 1979 APABILA KERAJAAN MELALUI MAMPU, JABATAN PERDANA MENTERI, MENERBITKAN BUKU PANDUAN PERKHIDMATAN CEMERLANG. BUKU IN MEMUATKAN BEBERAPA PANDUAN, INGATAN DAN GALAKAN KEARAH MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG CEKAP DAN BERKESAN DENGAN MEMPERKENALKAN COGAN KATA '**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**'.

11. BUKU PANDUAN PERKHIDMATAN CEMERLANG TERSEBUT DITERBITKAN DENGAN TUJUAN UNTUK:

- (i) MENINGKATKAN MUTU PERKHIDMATAN AWAM SEMASA KESEMASA;
- (ii) MENGEKAL DAN MEMLIHARA KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN DALAM MENJALANKAN TUGAS YANG DISERAHKAN;
- (iii) MEMUPUK TANGGUNGJAWAB BERSAMA DALAM PERKHIDMATAN AWAM;
- (iv) MEWUJUDKAN SUASANA SIHAT DAN CEKAP DALAM PERKHIDMATAN AWAM; MENERATKAN PERHUBUNGAN ANATARA SEMUA GOLONGAN KAKITANGAN KERJAAN; DAN
- (v) MEMBENTUK SIKAP DAN PEMBAAAN KAKITANGAN KERAJAAN BERSESUAIAN DENGAN SEMANGAT RUKUN NEGARA.

12. PANDUAN PERKHIDMATAN CEMERLANG JUGA MENGGARISKAN SATU ETIKA PERKHIDMATAN AWAM YANG SEHARUSNYA DIPATUHI DAN DIAMALKAN OLEH ANGGOTA

**PERKHIDMATAN AWAM BERTERASKAN KEPADA TUJUH
'TERAS PERKHIDMATAN' IAITU:**

- (i) **BERAZAM MENINGGIKAN MUTU PERKHIDMATAN;**
- (ii) **BEKERJA DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB;**
- (iii) **BERUSAHA MENGIKIS SIKAP MEMENTINGKAN DIRI;**
- (iv) **BERKHIDMAT DENGAN PENUH MUHIBAH DAN KEMESRAAN;**
- (v) **BEKERJA KEARAH MEMAJUKAN PEMIKIRAN RAKYAT;**
- (vi) **BEKERJASAMA DALAM MEMBENTERAS KELEMAHAN DAN MUSUH NEGARA; DAN**
- (vii) **BERPEGANG TEGUH KEPADA AJARAN AGAMA.**

13. SEMENJAK DARI ITU KERAJAAN SECARA BERTERUSAN MENGAMBIL LANGKAH DAN TINDAKAN BAGI MENENTU DAN MEMPASTIKAN BAHAWA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM SENTIASA AKAN MEMPERTINGKAT TAHAP KECEMERLANGAN DALAM MENJALANKAN TUGAS MELALUI BEBERAPA PEMBAHARUAN DAN PERUBAHAN SIKAP.

14. DIANTARA PERKARA-PERKARA UTAMA DAN PENTING YANG MUNGKIN PERLU UNTUK KITA SAMA-SAMA MERUJUK KEMBALI UNTUK DIPATUHI DAN DIIKUTI SECARA ISTIQAMAH AKAN KONSEP DAN TUJUAN PELAKSANAAN PEMBAHARUAN DAN PERUBAHAN SIKAP YANG DIMAKSUDKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- (i) PENGGUNAAN KAD PERAKAM WAKTU YANG DIPERKENALKAN PADA TAHUN 1981. IA BERTUJUAN SUPAYA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN TIBA DI PEJABAT DAN BALIK DARI PEJABAT PADA MASA YANG DITETAPKAN SERTA MENJALANKAN TUGAS DENGAN DEDIKASI DAN TEKUN SELAMA WAKTU BERADA DI PEJABAT.

- (ii) KEMPEN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH YANG DILANCARKAN PADA TAHUN 1982, BERTUJUAN UNTUK MEWUJUDKAN SATU ETIKA KERJA DAN SIKAP YANG BARU ANGGOTA KERAJAAN DENGAN MENGUTAMAKAN PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN NEGARA DAN MUTU KERJA;
- (iii) DASAR PANDANG KE TIMUR PADA TAHUN 1982 YANG BERTUJUAN UNTUK MENINGGIKAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN MEWUJUDKAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG MEMPUNYAI NILAI DAN ETIKA KERJA YANG POSITIF BAGI KEMAJUAN NEGARA;
- (iv) PENGGUNAAN TANDA NAMA YANG DIPERKENALKAN PADA TAHUN 1983, BERTUJUAN UNTUK MENJADIKAN KAKITANGAN DAN PEGAWAI KERAJAAN LEBIH BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN;
- (v) KEPIMPINAN MELALUI TELADAN, DILANCARKAN PADA TAHUN 1983 YANG BERTUJUAN UNTUK MENANAM DAN MEMUPUK CIRI-CIRI KEPIMPINAN

YANG BERKESAN UNTUK DICONTOHI, DIHAYATI DAN DIAMALKAN OLEH SETIAP LAPISAN ANGGOTA KERAJAAN;

(vi) DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN PADA TAHUN 1985 YANG BERTUJUAN UNTUK MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI ISLAM BAGI MEMASTIKAN KELICINAN JENTERA PENTADBIRAN MELALUI PENGHINDARAN PERBUATAN RASUAH DAN PENYELEWENGAN;

(vii) PANEL MEMAJUKAN PENTADBIRAN AWAM PADA TAHUN 1986 YANG BERTUJUAN UNTUK MEMPERKEMAS DAN MENINGKATKAN USAHA SEKTOR AWAM DENGAN MEMBERI PENEKANAN KEPADA ASPEK PRODUKTIVITI, KUALITI DAN INOVASI ANGGOTAN PERKHIDMATAN AWAM;

(viii) ETIKA KERJA ISLAM PADA TAHUN 1987 YANG MENJURUS KEPADA USAHA MENERAP NILAI DAN ETIKA KERJA ISLAM DIKALANGAN PENJAWAT AWAM;

- (ix) GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG PADA TAHUN 1989 DENGAN TEMA 'KUALITI TERAS KEJAYAAN' YANG BERTUJUAN MEMUPUK SATU BUDAYA KERJA BERORIENTASIKAN KUALITI DALAM MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG LEBIH CEMERLANG;

- (x) PANDUAN PENGURUSAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM PADA TAHUN 1990 YANG BERTUJUAN UNTUK MENYEDIAKAN PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM YANG MEMUATKAN ARAHAN DAN GARIS PANDUAN UNTUK MEMPERMUDAHKAN PROSEDUR DAN ALIRAN KERJA, MENINGKATKAN PRESTASI DAN KEUPAYAAN PERKHIDMATAN AWAM DALAM MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN BERKUALITI, PRODUKTIF DAN BERKESAN;

- (xi) SAMBUTAN HARI KUALITI, ANUGERAH KUALITI, ANUGERAH INOVASI BERTUJUAN MENGHARGAI PARA PEKERJA YANG MENGHASILKAN DAN

MENUNJUKKAN PENGHASILAN KERJA DAN IDEA BARU DALAM PERKHIDMATAN;

- (xii) SISTEM BELANJAWAN DIUBAHSUAI PADA TAHUN 1990 YANG BERTUJUAN UNTUK MENCAPAI KECEKAPAN DALAM PENGURUSAN BELANJAWAN DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM;**
- (xiii) SISTEM INSPEKTORAT DALAM PERKHIDMTAN AWAM PADA TAHUN 1991 BERTUJUAN MEMERIKSA, MENGESAN DAN MEMBANTU AGENSI KERAJAAN DALAM MELAKSANAKAN PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM;**
- (xiv) PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993;**
- (xv) PENYEIDAAN PIAGAM PELANGGAN, BERTUJUAN UNTUK MEMBERIKAN KOMITMEN KEPADA PELANGGAN PERKHIDMATAN AWAM AKAN TEMPOH PENYELESAIAN BAGI SESUATU KHIDMAT YANG DIBERIKAN OLEH AGENSI KERAJAAN;**
- (xvi) BORANG AKU JANJI;**

(xvii) SISTEM SARAN MALAYSIA PADA TAHUN 2003;
DAN

(xviii) PELAN INTEGRITI NASIONAL PADA TAHUN 2004,
BERTUJUAN UNTUK MEMASTIKAN KAKITANGAN
KERAJAAN MEMPUNYAI KREDIBILITI DAN
AKAUNTABILITI YANG TINGGI TERHADAP
PERJALANAN TUGASAN MEREKA.

15. KESEMUA YANG DISENARAikan DIATAS TADI ADALAH
BERMATLAMAT SEMATA-MATA UNTUK MENJADIKAN
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN
AWAM ITU SENDIRI SENTIASA BERUPAYA MEMBERIKAN
PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG.

16. OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH MENJADI KEWAJIBAN
KEPADA KITA SEBAGAI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM
UNTUK SECARA BERTERUSAN DAN BERKEKALAN
MENGETAHUI, MENYEDARI, MEMAHAMI, MENJIWAI DAN
MENGAMALKAN SEGALA ARAHAN, PANDUAN DAN
PERATURAN YANG DIGARISKAN OLEH KERAJAAN AGAR DIRI
KITA DAPAT MENJADI SEORANG PEKERJA CEMERLANG

BAGI MENENTUKAN JABATAN BOLEH TURUT MENYUMBANG KEARAH MENCAPAI HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMBENTUK RAKYAT DAN MENJADIKAN NEGARA KITA INI SEBAGAI YANG GEMILANG DAN TERBILANG.

17. PERLU JUGA SAYA BERKONGSI PERINGATAN BAHAWA SETIAP ORANG YANG MAHU BERSAING DALAM PASARAN KERJA HARUS MEMASTIKAN KESIHATAN DIRI BERADA PADA TAHAP DIRI YANG BAIK DAN MEMPUNYAI STAMINA BADAN YANG TINGGI.

18. DISAMPING ITU PENGURUSAN MASA JUGA BERPERANAN DALAM MEMBERI SUMBANGAN KEARAH KECEMERLANGAN DIRI. PENGURUSAN MASA ADALAH TENTANG BAGAIMANA KITA MENGURUSKAN DIRI DAN AKTIVITI UNTUK MENCAPAI CITA-CITA DAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI. UNTUK BERJYA SESORANG SESEORANG MESTI MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA APA YANG LEBIH PENTING DALAM HIDUPNYA DAN KEUTAMAAN DALAM PERKHIDMATAN PELANGGAN.

19. SELAIN DARI ITU, KEPENTINGAN MEREPUT PELUANG UNTUK MEMANFAATKAN MAKLUMAT SEMASA SERTA

MEMOHON PERTOLONGAN HANYA KEPADA ALLAH SAHAJA".

23. AKHIRNYA SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2003 DAN BERHARAP SERTA BERDOA SEMUGA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AKAN DAPAT MEMBERIKAN KOMITMEN PADA TAHAP YANG TINGGI DALAM MELAKSANAKAN KERJA MASING-MASING SECARA BERPANJANGAN SETIAP MASA.

24. SEKIAN, WIBILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAH WABARAKATUH.

MENCONTOHI MEREKA YANG BERJAYA TERUTAMA KEPADA TOKOH-TOKOH PEMIMPIN SELURUH DUNIA BOLEH TURUT MEMBERIKAN DORONGAN BAGI MEMPERTINGKATKAN KECEMERLANGAN.

20. KEPEKAAN DAN KEPRIHATINAN KEPADA STRATEGI YANG DIGUNAKAN BOLEH DIJADIKAN KUNCI KEJAYAAN DAN DIADAPTASIKAN DALAM PELAKSANAAN STRATEGI YANG DIRANCANG.

21. KAREKTOR SESEORANG MEMPENGARUHI KEJAYAAN SESEORANG. MENJADI SYARAT PENTING UNTUK MENGEKALKAN SIKAP YANG BAIK DAN POSITIF AGAR DISENANGI DAN DIPERMUDAHKAN UNTUK MEWUJUDKAN JARINGAN KERJA YANG SIHAT. UNTUK MENJADI SEORANG JUARA YAKNI MENCAPAI KECEMERLANGAN, SESEORANG HENDAKLAH BERSEEDIA MENERIMA KRITIKAN, MEMPERBAIKI KELEMAHAN DIRI DAN SENTIASA TERSEEDIA UNTUK MEMPELAJARI SESUATU YANG BARU TERUTAMA DARIPADA MEREKA YANG BERJAYA DALAM BIDANG YANG DICEBURI.

22. ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR SETIAP LAPISAN ANGGOTA KAKITANGAN JABATAN ALAM SEKITAR

AKAN SENANTIASA MENGEJAR KECEMERLANGAN DIRI
MASING-MASING MENERUSI PENGAMALAN KEHIDUPAN
BERAMAL. SUKA SAYA MEMETIK KATA-KATA NUKILAN
PENDITA ZA'ABA SEBAGAI RENUNGAN KITA BERSAMA.
PENDITA ZA'ABA MENULIS;

*" KEHIDUPAN KITA DALAM DUNIA IN IALAH KEHIDUPAN
BERAMAL ATAU BEKERJA, KEHIDUPAN BERJUANG
DAN BERLAWAN-LAWAN SEPERTI DALAM
PERLUMBAAN. TIAP-TIAP SESEORANG HENDAKLAH
MENJALANKAN BAHAGIANNYA SENDIRI DENGAN
TIDAK BERGANTUNG KEPADA ORANG AKAN
MENJALANKANNYA, TIDAK BERHARAP KEPADA
PERTOLONGAN ORANG AKAN
MENYEMPURNAKANNYA. IA SENDIRI MESTILAH
MERASA BERTANGGUNGJAWAB BAGI
MENYEMPURNAKAN KEWAJIBAN DIRINYA DAN
TANGGUNGAN DIRINYA DALAM PERJUANGAN DAN
PERLUMBAAN ITU. MAKA YANG AKAN MENANG DALAM
PERLUMBAAN ITU HANYALAH ORANG YANG TETAP,
TEKUN DAN SABAR MENJALANKAN KERJA-KERJA
KEWAJIBANNYA ITU DENGAN BERGANTUNG KEPADA
IKHTIAR DAN DAYA UPAYA DIRINYA SENDIRI DAN*